

SINAR HARIAN • SELASA 17 NOVEMBER 2021


NEGERI • SELANGOR/KL

Warga Pakistan dalang sindiket dokumen palsu ditahan

Sewa kondominium mewah dengan akses terhad serta kawalan ketat untuk menyukarkan siasatan

Oleh MOHD HARIS FADLI
MOHD FADZIL

KUALA LUMPUR

Seorang warga Pakistan dipercayai dalang sindiket menjual Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan lesen memandu palsu ditahan dalam satu serbuan di sebuah premis kondominium mewah di Setapak di sini pada Jumaat.

Ketua Pengarah Imigresen



Suspek menjadikan satu bilik di kondominium sebagai makmal khas untuk menghasilkan dokumen palsu.

Malaysia, Datuk Khairul Dzaimiee Daud berkata, lelaki berusia 37 tahun itu menjadikan satu bilik sebagai makmal khas untuk menghasilkan dokumen palsu di premis tersebut.

Menurutnya, hasil soal siasat, pihaknya menyerbu sebuah kondominium mewah di Jalan

Genting Klang dipercayai disewa untuk kegiatan sama.

“Sindiket ini dikesan aktif sejak setahun lalu dengan mengenakan bayaran dari RM300 hingga RM500 bagi setiap pelekat PLKS bergantung kepada kualiti dikehendaki pelanggan dan RM50 untuk lesen me-

mandu,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Khairul Dzaimiee berkata, modus operandi sindiket tersebut adalah dengan menggunakan PLKS sebuah syarikat pembersihan untuk bebas bergerak dan menyewa kondominium mewah dengan akses terhad serta kawalan ketat untuk menyukarkan siasatan.

Tambahnya, pasukan serbuan menemui peralatan komputer, mesin pencetak kad, pelbagai cap perwakilan asing dan wang tunai berjumlah RM13,710 dipercayai hasil jualan dokumen palsu dalam serbuan berkenaan.

“Pemeriksaan lanjut menjumpai pelekat PLKS, lesen memandu Malaysia dan visa negara asing siap dicetak dan disusun dipercayai sedia untuk diserahkan kepada pelanggan,” katanya.